



Anggota penguat kuasa DBKL menyerbu tapak pembuangan haram di Bukit Bintang pada Isnin.

## Tapak pembuangan haram di Bukit Bintang diserbu

**KUALA LUMPUR** - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengeluarkan lapan tawaran kompaun dalam operasi bersepadu di tapak pembuangan haram di sekitar Parlimen Bukit Bintang di sini pada Isnin.

DBKL dalam satu kenyataan menjelaskan, kompaun tersebut melibatkan pelbagai kesalahan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan UUK Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (WPKL) 2016.

Menurutnya, dua Notis

Penguatkuasaan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 turut dikeluarkan.

Selain itu katanya, sebanyak empat Notis Pemberitahuan Tentang Kesalahan di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 juga dikeluarkan ke atas tapak aktiviti pembuangan tersebut.

Jelasnya, DBKL turut mengeluarkan Notis Pemberhentian Kerja (SWO) serta-merta dan tiga buah kenderaan di premis berkenaan telah

dikenakan tindakan sita.

Tambahnya, kesemua kenderaan yang disita telah di bawa ke Depoh Tunda DBKL, Sentul di sini.

"Susulan itu, DBKL akan meneruskan tindakan dan pemantauan dari semasa ke semasa," ujarinya menerusi Facebook.

Operasi turut melibatkan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL), Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam dan Pejabat Tanah dan Galian WPKL.